



BARISAN pemenang bergambar kejohanan selepas tamat kejohanan.

Asrul Awang
sukan@hmetro.com.my

GASTEP 'Raja Libas'

■ 30 pasukan meriah kejohanan sepak takraw Terbuka UMP

Kuantan

Sebanyak 30 pasukan menyertai kejohanan sepak takraw Terbuka Universiti Malaysia Pahang 2017 anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang, di sini, baru-baru ini.

Kejohanan selama tiga hari itu membabitkan penyertaan pasukan dari seluruh negara

antaranya Terengganu, Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan dan Pahang bagi merebut kejuaraan dalam dua kategori iaitu terbuka dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) Zon Timur.

Pada aksi final kategori terbuka, pasukan GASTEP

dari Terengganu muncul juara selepas menewaskan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing diraih Royalista dari Pahang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Bagi kategori IPTA/S pula, Universiti Sultan Zainal

Abidin (UNISZA) A muncul juara selepas menewaskan UMP A manakala tempat ketiga dan keempat diraih Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS).

Juara kategori terbuka membawa pulang wang tu-

nai RM2,000, piala iringan dan pingat, naib juara RMI,000 dan pingat, ketiga dan keempat masing-masing menerima RM500 dan pingat.

Bagi kategori IPTA/S pula membawa pulang wang tunai RMI,000, piala iringan serta pingat bagi juara, naib

juara (RM600 dan pingat) ketiga dan keempat masing-masing menerima RM300 dan pingat.

Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP Abd Rahman Safie berkata, kejohanan itu mampu mencungkil bakat baru terutama dari Pantai Timur untuk mewakili negeri dan negara pada masa depan.

"Ia juga dapat membantu dari segi mempromosikan sukan sepak takraw dan mengangkat kembali sukan ini ke tahap lebih tinggi," katanya.